

8 IPT sertai Ekspedisi Kayak Amal Pesisir Pantai UMP 2011



Bagi memupuk semangat berpasukan dan memberi pendedahan serta pengalaman kepada semua peserta terhadap aktiviti berkayak di pesisir pantai, Pusat Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menganjurkan aktiviti Ekspedisi Kayak Amal Pesisir Pantai UMP 2011 pada 25 hingga 27 Mac 2011 yang lalu.

Ekspedisi ini yang disertai seramai 40 orang pelajar UMP dan gabungan pelajar yang terdiri daripada Politeknik Sultan Ahmad Syah, Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Syah, Kolej Matrikulasi Pahang, Politeknik Muadzam Shah, Universiti Tenaga Nasional Muadzam Shah, Universiti Teknologi MARA Pahang dan Kolej Universiti Shahputra ini bermula di Pantai Balok, menyusuri Pantai Sepat dan berakhir di Tanjung Gosong, Kuala Pahang, Pekan.

Program Ekspedisi Kayak Amal Pesisir Pantai ini juga turut diserikan dengan kehadiran YB. Dato' Haji Syafik Fauzan Sharif, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian, Pembangunan Keluarga & Hal Ehwal Wanita merangkap Adun Kawasan Inderapura.

Jelas beliau, para pelajar seharusnya memanfaatkan peluang ini sebaik mungkin bagi menimba ilmu di luar skop pengajian mereka supaya mereka menjadi para pelajar yang mampu berdikari dan bersemangat tinggi apabila tamat pengajian kelak. Beliau berkata demikian sewaktu menyertai program Santai bersama penduduk Kampung Sepat yang dijadikan sebagai aktiviti sampingan ekspedisi ini.

Selain motif utama aktiviti ini memberi pendedahan mengenai ilmu berkayak, ia juga turut diselitkan unsur ilmu yang mana para peserta meluangkan masa mereka untuk memberi motivasi kepada anak-anak penduduk Kampung Sepat supaya mereka lebih bermotivasi dan semangat dalam persekolahan dan berjaya menjejakan kaki ke menara gading kelak.

Ekspedisi ini juga turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) UMP, Bahagian Keselamatan, Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH), Pusat Kesihatan, Pejabat Naib Canselor, Pusat Kokurikulum Kolej Matrikulasi Pahang, Pasukan Gerakan Marin Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta Pasukan Bomba dan Penyelamat Pahang.

Selain itu, Palapes Laut UMP dan Pejabat Adun Inderapura yang sama bertungkus-lumus menjayakan program ini sehingga tamat.

